



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : TAMADUN ISLAM  
DAN TAMADUN ASIA

KOD KURSUS : UWA10302

PROGRAM : 1 BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF  
BBG/BBR/BDD/BEJ/BEV/BFF  
BIM/BIP/BIS/BIT/BIW/BNB  
BNC/BND/BNF/BNG/BNH/BNL  
BNN/BPA/BPB/BPC/BPD/BWC  
2 BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF  
BBG/BBR/BDD/BEJ/BEV/BFF  
BIM/BIP/BIS/BIT/BNF/BPB  
BPC  
3 BEJ/BEV/BPA/BPB/BPD  
4 BEJ/BEV

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2014/JANUARI 2015

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN  
DALAM BORANG OMR  
YANG DISEDIAKAN  
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS  
SOALAN INI KELUAR DARI  
DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEMBILAN BELAS (19)** MUKA SURAT

- S1 Daripada bahasa manakah berasalnya perkataan “tamadun” yang terdapat dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu?
- A Arab
  - B Greek
  - C Sanskrit
  - D Inggeris
- S2 Apakah asal perkataan “tamadun” dalam bahasa Arab?
- A *Umran*
  - B *Hadarat*
  - C *Maddana*
  - D *Madaniyah*
- S3 Apakah perkataan bahasa Arab yang sering digunakan dalam bahasa Melayu bagi menggambarkan sifat sesuatu berkaitan dengan cara hidup yang menzahirkan kehalusan budi pekerti terpuji?
- A *Madani*
  - B *Hadarat*
  - C *Maddana*
  - D *Madaniyah*
- S4 Apakah istilah yang digunakan oleh Ibnu Khaldun dalam perbincangan tentang tamadun?
- I *Umran*
  - II *Hadharah*
  - III *Tamaddun*
  - IV *Madaniyah*
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C I dan IV sahaja
  - D II dan IV sahaja
- S5 Pilih perkataan yang membawa pengertian sifat organisasi dalam strata sosial masyarakat.
- A *Umran*
  - B *Hadharah*
  - C *Tamaddun*
  - D *Madaniyah*

- S6 Namakan judul buku yang memperkenalkan istilah “tamadun”.
- A *Al-Muqaddimah*
  - B *Al-Madinah wa al-Islam*
  - C *Al-Islam wa al-Nasraniyyah*
  - D *Tarikh al-Tamadun al-Islami*
- S7 Siapakah sarjana Barat yang berpendapat pengukuran pencapaian tamadun adalah berdasarkan kepada kewujudan bandar atau *urban civilization*?
- A Gordon Childe
  - B Jacqueta Hawkes
  - C Edward L. Farmer
  - D Edward Burnett Taylor

Soalan 8 berdasarkan pernyataan 1.

**Pernyataan 1**

Tamadun sama dengan budaya yang merangkumi keseluruhan pencapaian manusia termasuk pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan keupayaan-keupayaan serta tabiat-tabiati lain yang didapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat.

- S8 Siapakah sarjana Barat yang mengemukakan pandangan dalam Pernyataan 1?
- A Gordon Childe
  - B Jacqueta Hawkes
  - C Edward L. Farmer
  - D Edward Burnett Taylor
- S9 Nyatakan perbezaan antara tamadun dengan budaya.
- I Tamadun melampaui batas kenegaraan dan wilayah
  - II Pengaruh dan natijah tamadun berkekalan lebih lama
  - III Setiap tamadun dikaitkan dengan kumpulan etnik tertentu
  - IV Budaya lebih mudah tersebar dalam suasana kehidupan yang tertutup
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja

- S10** Apakah faktor kemunculan tamadun Cina, India, Mesopotamia dan Mesir?
- A Tekanan kehidupan
  - B Kedudukan yang strategik
  - C Rangsangan keagamaan dan kerohanian
  - D Pembangunan ilmu dan penghayatan nilai
- S11** Manakah antara aspek penting yang terangkum dalam konsep tamadun Islam?
- I Kesucian institusi keluarga
  - II Berorganisasi atas asas akidah Tauhid
  - III Mementingkan nilai kemajuan kebendaan
  - IV Berfungsinya nilai-nilai ekonomi, politik dan sosial
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S12** Pilih pernyataan yang membawa pengertian Akidah sebagai asas kepada tamadun Islam.
- I Ikatan yang tidak dapat diubah
  - II Ikatan yang berbentuk maknawi
  - III Ikatan yang tertanam di dalam akal
  - IV Ikatan kepercayaan yang tetap dan teguh
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- S13** Nyatakan kepercayaan terhadap rukun iman yang membolehkan individu Muslim mendapat panduan berkaitan ajaran yang diturunkan oleh Allah S.W.T.
- A Beriman kepada Allah
  - B Beriman kepada Malaikat
  - C Beriman kepada Kitab-kitab
  - D Beriman kepada Rasul-rasul
- S14** Manakah antara rukun iman berikut yang membolehkan seseorang Muslim menjawab persoalan tentang nasib mereka di dunia ini?
- A Beriman kepada Allah
  - B Beriman kepada Malaikat
  - C Beriman kepada Kitab-kitab
  - D Beriman kepada Qada' dan Qadar



- S15** Pilih kesan-kesan akidah yang mantap terhadap keperibadian seorang Muslim.
- I Melahirkan seorang insan yang bersifat ikut-ikutan
  - II Melahirkan insan yang mempunyai akhlak cemerlang
  - III Melahirkan seorang insan yang optimis hanya kepada diri sendiri
  - IV Melahirkan seorang insan yang yakin kepada kewujudan dan kekuasaan Allah
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S16** Apakah maksud *muqaddas* apabila dikaitkan dengan Syariah sebagai suatu sistem hidup yang bersumberkan wahyu Ilahi?
- A Terpelihara daripada sebarang cacat cela
  - B Diturunkan oleh Allah melalui seorang Malaikat
  - C Disebarluaskan oleh seorang Rasul yang dilantik oleh Allah
  - D Wajib dilaksanakan dalam kalangan umat Islam sepanjang zaman
- S17** Manakah aspek yang berkaitan dengan kepentingan Syariah Islam dalam memastikan kehidupan manusia di dunia ini mendapat ketenangan jiwa dan rohani?
- A Hubungan manusia dengan alam
  - B Hubungan manusia dengan Tuhan
  - C Hubungan manusia sesama manusia
  - D Hubungan manusia sesama mereka, Tuhan dan alam
- S18** Bagaimanakah Syariah Islam memastikan kelestarian kitaran hidup manusia di dunia ini dapat dilaksanakan?
- A Melalui hubungan manusia dengan alam
  - B Melalui hubungan manusia dengan Tuhan
  - C Melalui hubungan manusia sesama manusia
  - D Melalui hubungan manusia sesama mereka, Tuhan dan alam
- S19** Manakah kewajipan dalam Syariah Islam yang berkaitan dengan dakwah, jihad, menegakkan *amar makruf* dan *nahi mungkar* serta tuntutan-tuntutan fardhu kifayah yang lain?
- A Kewajipan individu
  - B Kewajipan alim ulama
  - C Kewajipan pemerintah
  - D Kewajipan masyarakat

**S20** Siapakah tokoh ulama Islam yang berpendapat bahawa akhlak adalah sifat yang tertanam dalam roh atau jiwa seseorang dan darinya terbentuk perbuatan luaran dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu?

- A Imam al-Shafie
- B Imam al-Ghazali
- C Imam al-Nawawi
- D Imam Malik bin Anas

**S21** Manakah yang berikut merujuk kepada sifat-sifat tamadun Islam?

- I *Rabbani*
  - II Universal atau sejagat
  - III Berasaskan kepada bahasa Arab
  - IV Berkembang dalam lingkungan umat Islam
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja

Soalan 22 merujuk kepada Pernyataan 2.

#### Pernyataan 2

Terdapat aspek akidah dalam agama Islam yang mewajibkan pegangan kepercayaan dan keyakinan yang teguh sejak turunnya wahyu yang pertama serta terdapat aspek syariah yang berkembang seiring dengan keperluan zaman.

**S22** Apakah sifat tamadun Islam yang digambarkan dalam Pernyataan 2?

- A *Rabbani*
- B Tetap dan anjal
- C Universal atau sejagat
- D Sederhana dan seimbang antara rohani dan jasmani

**S23** Apakah matlamat utama tamadun Islam?

- A Mengangkat Islam sebagai *al-Deen*
- B Mengeratkan hubungan manusia dengan Allah
- C Menjalinkan hubungan antara manusia dengan manusia
- D Menekankan kepentingan tugas manusia untuk memakmurkan alam

Soalan 24 dan 25 merujuk kepada dasar-dasar tamadun Islam dalam Jadual 1

**Jadual 1**

A	Memelihara akal
B	Memelihara harta
C	Memelihara agama
D	Memelihara diri dan nyawa

- S24** Apakah dasar tamadun Islam yang berkaitan dengan hukum Qisas?
- S25** Manakah dasar tamadun Islam yang menggalakkan umat Islam mencari kekayaan dan mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat tertentu?

Soalan 26 dan 27 merujuk kepada sumber-sumber tamadun Islam dalam Jadual 2

**Jadual 2**

A	Al-Qias
B	Al-Ijmak
C	Al-Qur'an
D	Al-Sunnah

- S26** Apakah sumber utama tamadun Islam yang memerlukan para sarjana membuat pengkajian mendalam untuk mengeluarkan hukum bagi masalah-masalah baharu yang bersesuaian dengan keperluan semasa?
- S27** Manakah sumber utama tamadun Islam yang memerlukan pengesahan sejumlah ramai para sarjana Islam sebelum ianya boleh diterimapakai untuk dijadikan amalan dalam kalangan umat Islam?
- S28** Apakah petanda pelantikan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai Rasulullah atau utusan Allah S.W.T kepada manusia?
- A      Pembukaan kota Mekah  
 B      Berlakunya hijrah ke kota Madinah  
 C      Penurunan wahyu pertama di Mekah  
 D      Penurunan wahyu pertama di Madinah

- S29** Pilih tahap-tahap perkembangan tamadun Islam zaman Nabi Muhammad S.A.W.
- I Tahap peribadi
  - II Tahap masyarakat
  - III Tahap pengukuhan Islam zaman Mekah
  - IV Tahap pengukuhan Islam zaman Madinah dan kesejagatan Islam
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D I, III dan IV sahaja
- S30** Manakah dua bahagian penting yang terkandung dalam Piagam Madinah?
- I berkaitan golongan munafik dan kafir
  - II berkaitan golongan Muhajirin dan Ansar
  - III berkaitan hubungan umat Islam dengan orang Yahudi
  - IV berkaitan hubungan antarabangsa antara negara Islam dan bukan Islam
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S31** Namakan wilayah bagi tamadun yang dibentuk oleh masyarakat Melayu.
- I Nusantara
  - II Tanah Jawi
  - III Alam Melayu
  - IV Kepulauan Indo-China
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- S32** Apakah perkara yang merujuk kepada istilah Melayu?
- I Ras
  - II Bahasa
  - III Agama
  - IV Kebudayaan
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D I, III dan IV sahaja

**S33** Pilih perkara yang menjadi dasar kepada pegangan dan amalan kebudayaan masyarakat Melayu.

- I Agama Islam
- II Tinggalan budaya Hindu-Buddha
- III Adat resam masyarakat Melayu Tradisional
- IV Adat istiadat keluarga diraja dan istana Melayu

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

**S34** Manakah kawasan yang merangkumi Alam Melayu?

- A Seluruh kepulauan Asia Tenggara
- B Seluruh Asia Tenggara hingga Sri Lanka
- C Seluruh Asia Tenggara hingga Madagascar
- D Seluruh Asia Tenggara hingga ke sempadan Australia

**S35** Apakah gelaran bagi orang Melayu yang merantau keluar dari kepulauan Melayu?

- A Melayu Cocos
- B Melayu Pelayar
- C Melayu Diaspora
- D Melayu Perantau

**S36** Apakah faktor penting yang dikaitkan dengan kemunculan tamadun Melayu awal?

- A Penyebaran agama Islam
- B Kewujudan kerajaan Melayu di Nusantara
- C Aktiviti perdagangan dan ekonomi di pelabuhan
- D Perkembangan budaya dan adat resam Melayu Islam

**S37** Manakah antara berikut merupakan kerajaan Melayu awal pra-Islam?

- I Aceh
- II Chola
- III Funan
- IV Langkasuka

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja



- S38** Bilakah wujud kerajaan-kerajaan Melayu awal berdasarkan kesan peninggalan arkeologi di Lembah Bujang, Kedah dan Kuala Selinsing, Selangor?
- A 1,000 tahun dahulu
  - B 1,500 tahun dahulu
  - C 2,000 tahun dahulu
  - D 2,500 tahun dahulu
- S39** Nyatakan ciri-ciri yang terdapat dalam Tamadun Melayu awal di Kuala Selinsing.
- I Tidak berfungsi sebagai pusat keagamaan
  - II Binaan bangunannya diperbuat daripada batu bata
  - III Penduduknya menggunakan sistem tulisan Pahlavi
  - IV Kebudayaannya tidak dipengaruhi oleh ajaran Hindu-Buddha
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D I, III dan IV sahaja
- S40** Bagaimanakah cara berfikir masyarakat Melayu berkaitan pembentukan empayar?
- A Perluasan melalui penaklukan
  - B Penentuan sempadan berdasarkan pengaruh
  - C Perluasan melalui penetapan sempadan wilayah
  - D Penentuan wilayah berdasarkan penguasaan tanah
- S41** Apakah nama banjaran yang memisahkan antara India Utara dan India Selatan?
- A Ayodya
  - B Madhya
  - C Vindhya
  - D Himalaya
- S42** Apakah nama masyarakat di India Selatan?
- A Tamil
  - B Sinhala
  - C Dravida
  - D Indo-Aryan

- S43** Apakah bahasa perantaraan yang digunakan dalam kalangan masyarakat India Selatan?
- A Tamil
  - B Urdhu
  - C Sinhala
  - D Sanskrit
- S44** Manakah kumpulan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri fizikal orang Monggolia yang menetap di kawasan kaki gunung Himalaya dan pergunungan Assam?
- I Bhil
  - II Khol
  - III Gurkha
  - IV Hbutiya
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S45** Apakah nama penempatan awal pada zaman Mesolitik di Madras, India?
- A Banda
  - B Karnataka
  - C Chingleput
  - D Lembah Sungai Soan
- S46** Bilakah wujudnya ketamadunan manusia yang agak maju di Lembah Sungai Ganges?
- A Zaman Moden
  - B Zaman Neolitik
  - C Zaman Mesolitik
  - D Zaman Paleolitik
- S47** Namakan daerah dalam negara Pakistan hari ini di mana terletaknya kawasan tamadun Lembah Sungai Indus.
- A Sind
  - B Punjab
  - C Baluchistan
  - D Azad Jammu-Kashmir

- S48** Pilih upacara keagamaan yang paling ketara dijalankan semasa kemuncak tamadun Lembah Sungai Indus.
- I Korban binatang
  - II Permandian umum
  - III Pembakaran gaharu
  - IV Penyembahan Shiva
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S49** Pilih zaman penguasaan bangsa Aryan di India.
- I zaman Rig Veda
  - II zaman Veda Akhir
  - III zaman Veda Awal
  - IV zaman Yajur Veda
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S50** Apakah nama koleksi mazmur terpenting dalam zaman Veda yang disusun antara tahun 1500 – 1000 SM?
- A Rig Veda
  - B Sama Veda
  - C Yajur Veda
  - D Athar Veda
- S51** Siapakah nama raja bagi Empayar Maurya yang wujud antara tahun 322 hingga 185 SM?
- A Asoka
  - B Bindusura
  - C Pushyamtva
  - D Chandragupta
- S52** Siapakah Maharaja kedua Empayar Gupta yang digelar sebagai Napoleon India?
- A Asoka
  - B Chandragupta
  - C Samudragupta
  - D Chandragupta II

**S53** Namakan kerajaan-kerajaan awal di selatan benua India.

- I Chola
  - II Chera
  - III Sunga
  - IV Pandya
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D I, III dan IV sahaja

**S54** Apakah nama kerajaan yang telah berjaya menjajah sebahagian besar daripada wilayah Asia Tenggara sehingga dapat membentuk kerajaan Melayu Sri Vijaya?

- A Chola
- B Chera
- C Sunga
- D Pandya

**S55** Namakan tahap kedua dalam *Ashrama Dharma* di mana individu menyempurnakan tanggungjawab kepada rumahtangga dan masyarakat.

- A *Grhastya*
- B *Sannyasa*
- C *Brahmacarya*
- D *Vanaprahastya*

**S56** Pilih pernyataan yang benar tentang Sungai Huanghe.

- I Terletak di selatan negeri China
  - II Mempunyai kepanjangan 3395 km
  - III Namanya diambil sempena daripada kelodak warna kuning
  - IV Mengalir dari pergunungan Kunlun ke timur hingga ke Teluk Bo Hai
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

- S57** Apakah aktiviti ekonomi dan pertanian awal masyarakat neolitik di Lembangan Sungai Kuning?
- I Memburu
  - II Menanam padi
  - III Membuat tembikar
  - IV Menghasilkan sutera
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- S58** Mengapakah pemerintahan Maharaja Kuning penting kepada perkembangan awal tamadun Cina?
- I Pengeluaran dan penenunan sutera
  - II Muncul kegiatan ekonomi skala besar
  - III Pembinaan empangan untuk mengawal air
  - IV Peralihan Zaman Mesolitik kepada Zaman Neolitik
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- S59** Mengapakah kewujudan Dinasti Hsia (Xia) masih menjadi misteri sehingga kini?
- A Kisah berkaitan dinasti ini hanya wujud dalam puisi
  - B Maharajanya dikatakan terlalu misteri untuk diketahui
  - C Terlalu banyak kisah dongeng yang dikaitkan dengan maharajanya
  - D Tidak terdapat bukti-bukti arkeologi mengenai kewujudan dinasti ini
- S60** Apakah maksud konsep Tien pada zaman Dinasti Zhou atau Chou?
- A Menjustifikasikan kuasa raja dari langit
  - B Raja lebih mulia daripada segala makhluk lain
  - C Pemilihan raja dengan nasihat daripada agamawan
  - D Anak raja sebagai pengganti yang ditentukan oleh ajaran agama
- S61** Siapakah tokoh ahli falsafah zaman Dinasti Zhou atau Chou yang lahir sekitar tahun 551 SM?
- A Mozi
  - B Lao Zi
  - C Hsun Tzu
  - D Konfusius



- S62** Siapakah ahli falsafah yang berpendapat kehidupan golongan bangsawan adalah ketinggalan zaman dan harus diganti dengan hierarki tentera yang mempunyai merit berdasarkan peperangan?
- A Mozi
  - B Lao Zi
  - C Hsun Tzu
  - D Konfusius
- S63** Manakah dinasti yang berkuasa dari tahun 221 hingga 206 SM yang dapat menyatukan seluruh negara China menjadi satu unit politik dan budaya?
- A Qin
  - B Han
  - C Tang
  - D Song
- S64** Namakan dinasti Maharaja Cina yang memerintah antara tahun 618 hingga 907 Masihi yang dapat menguasai Asia Tengah, Korea dan Vietnam utara.
- A Qin
  - B Han
  - C Tang
  - D Song
- S65** Namakan kawasan yang diliputi oleh pemerintahan Dinasti Qing yang memerintah antara tahun 1682 hingga 1911.
- I Nepal
  - II Korea
  - III Mongolia
  - IV Manchuria
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S66** Apakah nama perjanjian yang termeterai selepas kekalahan China kepada British dalam peperangan Candu?
- A Peking
  - B Beijing
  - C Taiping
  - D Nanking

- S67** Siapakah dua tokoh yang menjadi pemimpin terawal memimpin China selepas tamatnya Dinasti Qing?
- I Sun Yat Sen
  - II Yuan Shikai
  - III Li Yuanhong
  - IV Feng Gouzhang
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S68** Apakah sebab rakyat China menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan Jepun melalui “Pergerakan Empat Mei”?
- A Pencerobohan Jepun terhadap wilayah China
  - B Konsesi Jerman di Shandong diserahkan kepada Jepun
  - C Industri milik British di Canton diserahkan kepada Jepun
  - D Sekatan ekonomi Jepun memberi kesan kepada barangan China
- S69** Pilih pernyataan yang salah berkaitan faktor yang membawa kepada kelemahan Kuomintang sehingga akhirnya terpaksa mengalah kepada pihak Komunis pada tahun 1949.
- A Chiang Kai Shek terlalu fokus kepada kawasan bandar
  - B Kelemahan pihak Kuomintang dalam mengurus ekonomi
  - C Pengurangan jumlah tentera menyebabkan sebahagiannya sertai pihak Komunis
  - D Kuomintang terlalu berharap untuk mendapatkan Taiwan sebagai negara mereka
- S70** Apakah tujuan polisi Langkah Besar ke Depan (*the Great Leap Forward*) diperkenalkan oleh Mao Zedong pada tahun 1958?
- I Merevolusikan bidang sosial
  - II Merevolusikan bidang politik
  - III Merevolusikan bidang industri
  - IV Merevolusikan bidang pertanian
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja

- S71** Apakah aspek yang menerima kesan akibat penjajahan Barat ke atas masyarakat Islam dan Asia?
- I Nilai budaya
  - II Institusi politik
  - III Pegangan agama
  - IV Struktur ekonomi
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D I, III dan IV sahaja
- S72** Manakah negara anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang memperolehi kuasa veto selepas Perang Dunia Kedua?
- I Jepun
  - II Britain
  - III Jerman
  - IV Perancis
- A I dan II sahaja
  - B I dan IV sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D II dan IV sahaja
- S73** Bilakah Amerika Syarikat paling banyak menggunakan kuasa vetonya dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu?
- I 1946 hingga 1965
  - II 1966 hingga 1985
  - III 1986 hingga 2007
  - IV 2008 hingga 2013
- A I dan II sahaja
  - B I dan IV sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S74** Manakah negara yang sering diancam supaya tidak membangunkan program nuklear mereka oleh Amerika Syarikat?
- A Cuba dan China
  - B Jerman dan Turki
  - C Iran dan Korea Utara
  - D Venezuela dan Bolivia

- S75** Apakah bidang globalisasi yang diteraju oleh kuasa besar Barat melalui kemajuan dan pencapaian yang tinggi dalam teknologi komunikasi?
- A Media
  - B Hiburan
  - C Perdagangan
  - D Perhubungan
- S76** Apakah kesan rancangan realiti televisyen berbentuk hiburan yang tersebar luas dan ditiru di beberapa negara termasuk Malaysia?
- A Kualiti hiburan meningkat dalam masyarakat
  - B Cita-cita remaja diberi ekspresi secara kompetitif
  - C Nilai-nilai menghormati dan menjaga perasaan individu diutamakan
  - D Golongan kurang bernasib baik boleh mendapat peluang untuk cepat kaya
- S77** Apakah aspek yang berubah disebabkan oleh pengaruh tamadun Barat melalui proses globalisasi?
- I Akauntabiliti awam
  - II Kebebasan individu
  - III Kehakiman yang bebas
  - IV Hak menyuarakan bantahan
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- S78** Apakah kesan kemunculan sistem ekonomi pasaran global yang mengutamakan negara-negara perindustrian kuat di Barat?
- A Peningkatan kekayaan sebahagian kecil manusia yang rakus
  - B Kemiskinan berterusan golongan tertentu di negara membangun
  - C Ketidakseimbangan pengagihan kuasa antara negara perindustrian
  - D Kemunculan bank-bank perdagangan antarabangsa di negara membangun
- S79** Nyatakan perkara dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang berkaitan dengan Kedudukan Islam sebagai agama bagi persekutuan.
- A Perkara 152
  - B Perkara 3 (1)
  - C Perkara 5 (3)
  - D Perkara 159 (5)

**S80** Pilih kalimah yang dilarang penggunaannya oleh mereka yang bukan beragama Islam berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Kabinet bertarikh 16 Mei 1986.

- I Allah
  - II Kaabah
  - III Selawat
  - IV Baitullah
- 
- A I, II, III dan IV
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

**SOALAN TAMAT**